

Headline **Industri tanaman padi negara perlu dipertingkatkan**
 Date **17. Apr 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **8**
 Section **Nasional** Article Size **300** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**



Industri tanaman padi negara perlu dipertingkatkan

SETAKAT ini kita tidak perlu beratur untuk membeli beras, tetapi ini tidak bermakna kita perlu menunggu timbul krisis untuk bertindak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad memberi jaminan negara mempunyai cukup bekalan beras walaupun berlaku kekurangan bekalan bahan makanan itu di pasaran dunia.

Malah, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, turut meyakinkan orang ramai supaya tidak panik kerana bekalan beras negara mampu menampung keperluan lebih tiga bulan.

Syarikat Padi dan Beras Nasional (Bernas) dilaporkan masih mempunyai 600,000 tan beras dan padi untuk diproses. Bernas juga dilaporkan sudah mengesahkan pengimportan 600,000 hingga 700,000 tan beras dari Thailand dan Vietnam.

Harga beras di pasaran global dilaporkan media asing melonjak hingga mencecah AS\$700 (kira-kira RM2,240) satu tan, meningkat tiga kali ganda sejak tempoh lima tahun lalu.

Memandangkan negara kita masih bergantung kepada import beras, sebarang kenaikan sudah pasti akan memberi impak kepada harga pembelian bahan makanan ruji terbabit, meskipun mungkin bahang kenaikan tidak akan dirasai dalam tempoh terdekat ini.

Malaysia dilaporkan mengimport lebih 30 peratus keperluan beras negara. Ini adalah kerana tahap sara diri kita ialah 70 peratus.

Ketua Laboratori Dasar Perniagaan Tani dan Pengurusan, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM), Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Amin Mahir Abdullah melihat keadaan ini sebagai tidak wajar memandangkan Malaysia masih banyak sumber seperti tanah.

"Pada 1960-an dan 1970-an, kerajaan memang mensasarkan sara diri penuh dengan pelaburan yang besar membina infrastruktur seperti parit dan saluran.

"Kerja penyelidikan juga dipertingkatkan dalam membangunkan benih padi yang bermutu tinggi, tahan penyakit dan mampu ditanam sekali setahun kepada dua kali setahun," katanya.

Malaysia juga, katanya, pernah mencapai

90 peratus tahap sara diri pada 1970-an kerana pembangunan industri padi dan beras yang fokus ketika itu berjaya mensasarkan tahap sara diri penuh.

Perubahan struktur ekonomi negara daripada berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan industri yang bermula pada 1980-an sudah banyak mengubah pola pertanian negara khususnya industri padi dan beras.

Perubahan itu mewujudkan persaingan sumber seperti tenaga buruh, tanah dan air. Dr Amin Mahir berkata, industri padi 'telah tewas' kerana banyak tanah pertanian ditukar kepada penggunaan industri dan perumahan.

"Kerancangan pembangunan sektor perindustrian dan perumahan memperlakan pertumbuhan sektor pertanian. Kini purata saiz sawah masih kecil dengan purata dua hektar seorang petani dan purata umur petani padi dalam lingkungan 55 hingga 60 tahun," katanya.

Sememangnya padi bukan satu tanaman baru di negara dan menanamnya juga mudah. Bagaimanapun, untuk memulihkan kawasan yang sudah terbiar atau membuka

kawasan pengeluaran baru sudah tentunya memerlukan pelaburan besar.

"Kalau pada 1960-an dan 1970-an, kita dapat lihat tali air di segenap pelosok negara, tetapi sekarang sudah tiada. Kita perlu ingat bahawa menanam padi memerlukan air yang banyak. Infrastruktur seperti saluran dan perparitan perlu dibina dan ini pula memerlukan pengambil tanah jika kawasan baru hendak dibuka.

"Kalau pada 1966 projek saluran Muda di Kedah dan Perlis menelan belanja RM238 juta, cuba kita bayangkan berapakah kosnya sekarang? Saya bersetuju jika kerajaan ingin membangunkan jelapang baru di Sabah dan Sarawak, tetapi pendekatan pengeluaran seharusnya berciri komersial," kata Dr Amin Mahir yang juga pensyarah, Jabatan Perniagaan Tani dan Sistem Maklumat, Fakulti Pertanian UPM.

Apabila bercakap mengenai industri beras, mungkin ramai yang menyoal mengapa industri ini nampak lebih gah di Thailand berdasarkan kualiti beras yang dihasilkan di negara itu yang banyak membanjiri pasaran tempatan.

Dr Amin Mahir, berkata berdasarkan sumber maklumat International Rice Research Institute (IRRI), Filipina, dari segi purata hasil sehektar, purata hasil di Malaysia adalah 3.3 tan, Thailand, 2.9 tan sementara Vietnam, 4.9 tan.

"Tetapi dari segi kos pengeluaran, kita pula yang tertinggi. Ini menjadikan pengeluaran padi kita kurang berdaya saing berbanding negara berkenaan," katanya yang lantas memberikan perbandingan tanaman padi di Thailand.

Padi, kata beliau adalah tanaman utama Thailand yang menyumbang 26 peratus kepada jumlah eksport dunia dan sekali gus meletakkan negara itu sebagai pengeksport utama beras dunia.

"Sudah tentu kualiti beras menjadi keutamaan pengeluar beras di Thailand kerana itulah yang diperlukan pengguna termasuk di Malaysia. Oleh itulah nilai import beras begitu tinggi iaitu RM558 juta pada 2006 dan hampir 25 peratus daripadanya adalah beras wangi," katanya.

Bercakap mengenai pengeluaran padi dan beras di Malaysia, beliau berkata, ia lebih bertumpu kepada kuantiti dan pasarnya menjurus kepada pengguna domestik.

"Sebab itu penyelidikan masa lalu bertumpu kepada Variati Berhasil Tinggi yang dijangka meningkatkan produktiviti dan menaikkan tahap sara diri.

"Petani padi pula dibantu harganya berdasarkan jumlah kuantiti yang dijual iaitu RM248.10 satu tan tanpa mengira kualiti beras yang dihasilkan. Penggredan padi dilakukan dari aspek tahap kematangan dan kandungan kelembapan padi," katanya.

- Bernama